

# Dr Mahathir lawat Fadzil Noor

BH 15 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini melawat Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di sini.

Perdana Menteri yang tiba di hospital berkenaan jam 7.15 petang dari pejabatnya di Putrajaya, berada kira-kira 15 minit melihat Fadzil yang belum sedar sejak pembedahan pintasan jantung, Isnin lalu.

Dr Mahathir yang baru pulang dari luar negara pagi ini,

berbincang dengan pegawai perubatan bertugas serta anak Fadzil yang turut berada di wad di tingkat dua hospital berkenaan.

Jurucakap HUKM berkata, keadaan Fadzil, 65, stabil dan semakin baik tetapi memerlukan masa untuk pulih dan perlu banyak berehat.

Sebelum ini, Fadzil pernah dimasukkan ke Hospital Kuala Terengganu selepas mengadu sakit dada setibanya di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.